



## HOSPITAL KAJANG

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan/ negeri Gred G3 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan seperti di bawah:

TAJUK SEBUT HARGA DAN NO. RUJUKAN	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH PELAWAAN / TARIKH TUTUP
<b>TAWARAN SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMINDAHAN DAN PEMBINAAN ZON HIJAU DARI LOKASI ASAL KE LOKASI BARU DI JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA, HOSPITAL KAJANG.</b>  Ruj. Sebut Harga : <b>HKJG930(S)/2023/94</b>	<b>Gred: G3</b>  <b>Kategori: B</b> <b>Sub. Kategori : B04</b> (Kerja-kerja Pembinaan Bangunan)	<b>10 April 2023</b> (Isnin) jam 10.00 pagi  Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Hospital Kajang	<b>Tarikh Pelawaan:</b> <b>6 April 2023</b> (Khamis)  <b>Tarikh Tutup:</b> <b>17 April 2023</b> (Isnin) jam 12.00 tengahari

2. Kontraktor **diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak**. Taklimat hanya akan diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Mesyuarat, Pejabat Pengurusan, Hospital Kajang** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. **Hanya PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.
3. Kontraktor boleh mendapatkan dokumen sebut harga pada hari taklimat dan lawatan tapak dan **kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan mengambil dokumen sebut harga**. Dokumen sebut harga hanya diberi kepada kontraktor yang menunjukkan **SIJIL ASAL PPK DAN SPKK** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan SSM serta mempunyai Kod Bidang seperti di atas. Sila kemukakan **satu (1) salinan** sijil-sijil tersebut (tidak dikembalikan) yang **masih sah tempohnya** untuk semakan Kod Bidang dan Pengesahan Pendaftaran kepada pihak urusetia. **Sila bawa bersama Cop Syarikat yang beralamat lengkap.**
4. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Unit Kewangan, Bahagian Pengurusan, Hospital Kajang tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari, pada 17 April 2023 (Isnin)**. Tawaran yang **LEWAT** diterima tidak akan dipertimbangkan / ditolak.
5. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI :

**PN. SHARIFAH BINTI HASAIN**  
Ketua Unit Pentadbiran dan Pembangunan  
03-8913 3333 samb.1311